

PENGARUH ISLAM DALAM TEKS SILSILAH RAJA-RAJA JAMBI SEBAGAI
KARYA HISTORIOGRAFI ISLAM ABAD KE 19-20

SAIDINA USMAN EL-QURAI SY

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Falsafah

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2016

DEDIKASI

Teruntuk:

Allāhu Yarham Ayahanda tercinta

Ahmad Quraisy bin Abdul Wahhab

semoga tenang di alam sana.

Ibunda terkasih **Rahana binti Abdul Rashid**

yang menjadi sumber inspirasi dalam perjuangan ini.

Bapak Mertua terbaik **Abdul Muluk Kupon** dan

Mak Mertua terbaik **Maimunah.**

Istriku Tersayang **Nory Novita Sari binti Abdul Muluk**

yang telah berikrar untuk setia sampai syurga.

Kakak - Adik terhebat ku:

Warni Ahmad Quraisy, Suhaimi Ahmad Quraisy,

M. Arifin Ahmad Quraisy, Huriyah Ahmad Quraisy

Rovi Armando Abdul Muluk dan Madu

Munawwaroh Abdul Muluk

Para Keponakan:

Putri Ramadhani, Emi Susanti, Rizka el-Vira,

Zaskia Halwa Az-Zahra - Aisha Hilwa Az-Zahra,

Mohd. Daffa Fadhilah Suhaimi, Muhammad Naquib Suhaimi,

dan Nayla Azkia Mumtaza Arifin.

PENGHARGAAN

Tiada ucapan yang paling pantas diucapkan pertama disini selain dari ucapan *Alhamdulillah rabb al-Ālamīn* (segala pujian dan kesempurnaan hanya milik Allāh) kerana atas Rahmat dan TaufiqNya penulis mampu bertahan dalam apa-apa keadaanpun jua dalam meneruskan perjuangan ini. kepada sang guru agung, Nabi Muhammad S. A.W semoga Allāh sentiasa mencucuri salam dan kesejahteraan kepada baginda dan Allāh mempermudah kita bertapak diatas jalan sunnah kekasih dan RasulNya sehingga akhir masa.

Terimakasih tak terhingga diucapkan kepada para guru-guru di CASIS UTM Kuala Lumpur, Prof. Wan Mohd. Noor Wan Daud, Prof. Zainy Uthman, Prof. Madya Khalif Muammar, Prof. Madya Syamsuddin Arif, Prof. Madya Wan Suhaimi, Prof. Madya Sulaiman Buayo, Prof. Madya Adi Setia, dan terakhir dan terkhusus Prof. Dr. Tatiana Denisova selaku pembimbing yang terbaik. Saya mendo'akan semoga kesabaran dan keikhlasan para guru dalam mengajar dan mendidik kami cara berfikir dan bersikap yang betul mendapatkan balasan tak terhingga berupa syurgaNya. Amin. Begitu juga doa yang sama dipanjatkan untuk para staf CASIS yang telah membarikan bantuan dan keramahtamahan selama penulis belajar di CASIS, Kak Shidah, Puan Sharifah, Kak Norehan dan lain-lain.

Penghargaan dan terimakasih juga penulis sampaikan kepada Allahu Yarham Abak, kerana dorongan dan semangatnya yang tidak pernah padam yang menjadi salah satu alasan perjuangan ini wajib untuk diteruskan. ibunda tercinta atas segala doa dan restunya yang tak pernah terputus. begitu juga dengan Istri Tersayang yang juga dengan

sabar dan rela berpisah sementara waktu. kakak-kakak dan adek di kampung, keponakan dan seluruh keluarga besar di Jambi. dan tidak lupa pula terimakasih ini juga disampaikan kepada mak Nor Aini Noordin atas segala bantuan dan jasa baik selama ini, semoga menjadi amal kebajikan tak terputus bagi mak. Sahabat-sahabat di Pusat Islām UTM KL, ust Wan Ali Wan Jusoh terimakasih tak terhingga atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk berkhidmat di Masjid dan Pusat Islam UTM KL yang menjadi tulang punggung ekonomi saya selama menmpuh studi, ustaz Azhari, Ust Shah, Ust Din, Ustzah Shahrina, ust. Kamili, ust Bilal Ahmad, ust Bukhari, cik Mail, kak Suhanim, kak Siti Dan cik Raihan. Terimakasih semua atas keceriaan selama ini.

Sahabat-sahabat seperjuangan, Pak Chairul Anwar, bang Metra, bang Fiqh, pak rahmat, aa Rijal, kang Arif, Yuk wardah, sis Nabila, pak Zaki, pak Ali, mas Kun, bang Yunus, bro Hanif, pak Edi, bro Mukhlas, pak Usef, pak Ilham, pak Rizki, pak elit, bro Ikhwan, pak Fejri, dan seluruh sahabat keluarga besar Casis Students Society. Semoga perjuangan bersama dan silaturrahim ini tidak pernah berakhir. Amin ya Rabbal Alamin.

ABSTRAK

Kajian mengenai sejarah Islām di Nusantara tidak terlepas daripada penyelidikan terhadap karya persuratan Melayu Islām, khasnya yang bersifat sejarah. Pengkaji sejarah Alam Melayu dari Barat kebanyakan lebih memilih meneliti hal-ehwal yang berkaitan dengan tradisi dan kebudayaan sebelum Islām. Hal ini boleh difahami sebagai bentuk sikap Orientalis yang tidak mahu menerima dan tidak mengakui karya-karya warisan intelektual Melayu sebagai karya historiografi yang boleh diterima pakai sebagai bahan kajian sejarah Islām di Nusantara. Padahal historiografi Melayu Islām yang meliputi teks-teks sejarah sejak kurun abad ke-13 sehingga abad ke-20 merupakan sumber sejarah yang sangat penting dan perlu disegerakan penelitiannya. Hal ini dimaksudkan agar fakta-fakta yang terdapat di dalam karya-karya sejarah Melayu Islām tersebut memberi manfaat dan pemahaman yang sebenar terhadap sejarah Islām yang digali dari sumber yang ditulis sendiri oleh ulama-ulama di Kepulauan Melayu-Indonesia ini. Untuk mendapatkan pemahaman yang betul terhadap sejarah Islām di Jambi, maka kajian terhadap karya historiografi Islām Jambi ini memerlukan analisis terhadap unsur-unsur Islām yang memberikan pengaruh besar terhadap teks Silsilah Raja-Raja Jambi. Selain menganalisis unsur-unsur akidah, politik, dan perundangan Islām, kajian ini juga melihat pengaruh daripada unsur-unsur lainnya seperti bahasa Arab dan tulisan Jāwi yang terdapat di dalam teks. Selanjutnya dengan melakukan perbandingan terhadap teks-teks sejarah lainnya dan melakukan analisis terhadap ciri-ciri karya historiografi Alam Melayu, kajian ini membuktikan bahawa teks Silsilah Raja-Raja Jambi merupakan karya historiografi Islām Melayu Jambi.

ABSTRACT

Research on the history of Islām in Nusantara will also include research on Malay Islamic literatures, especially those having historical characteristics. But the researchers on the history of the Malay world from the West mostly investigate the pre-Islamic tradition and culture. Yet Islamic Malay historiography which includes historical texts from 13th until the 20th century is an important historical source which needs to be investigated immediately. Such tendency reflects the stance of Orientalists who do not want to accept and acknowledge the Malay intellectual legacies as historiographical works which can be used as one of the Islamic historical sources in Nusantara. Such research needs to be done because the facts written in the Islamic Malay historical works can benefit and give true understanding of Islamic history which are investigated through the sources written by Muslim scholars in Malay-Indonesian archipelago. To get a true understanding of Islamic history in Jambi, the research on Jambi Islamic historiography needs an analysis of Islamic elements which give a great impact on the text of *Silsilah Raja-Raja Jambi* (Genealogy of Jambi kings). In addition to investigating the elements of belief, politics, and Islamic law, this research also investigates the impact of other elements such as Arabic and Jāwī script written in the text. Furthermore by means of comparing the other historical texts and analyzing the characteristics of Malay historiographical works, this research proves that the text of *Silsilah Raja-Raja Jambi* is a Jambi-Malay Islamic historiographical work.

ISI KANDUNGAN

| BAB | TAJUK | MUKASURAT |
|------------|-------------------------------|------------------|
| | DEKLARASI | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | vi |
| | ABSTRACT | vii |
| | ISI KANDUNGAN | viii |
| | SENARAI TRANSLITERASI | xi |
| | SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| | | |
| 1. | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 Pernyataan Masalah Kajian | 8 |
| | 1.3 Objektif Kajian | 9 |
| | 1.4 Kepentingan Kajian | 9 |
| | 1.5 Batasan Kajian | 10 |
| | 1.6 Kajian Terdahulu | 10 |
| | 1.7 Metodologi Penyelidikan | 15 |
| | 1.7.1 Jenis penyelidikan | 16 |
| | 1.7.2 Bentuk Penyelidikan | 16 |
| | 1.7.3 Metode Kajian Terus | 17 |

| | | |
|-----------|---|-----------|
| 1.7.3.1 | Metod Analisis Isi | 17 |
| 1.7.4 | Langkah Pengumpulan Data | 18 |
| 1.7.5 | Cara Pengolahan Data | 20 |
| 1.7.6 | Cara Penarikan Kesimpulan | 21 |
| 1.8 | Susunan Kajian | 21 |
| 2. | SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ISLĀM DI JAMBI | 23 |
| 2.1 | Jambi Sebelum Islām | 23 |
| 2.2 | Jambi Selepas Kedatangan Islām | 28 |
| 3. | TEKS <i>SILSILAH RAJA-RAJA JAMBI</i> SEBAGAI KARYA HISTORIOGRAFI ISLĀM JAMBI | 36 |
| 3.1 | Sejarah dan Pensejarahan (historiografi) | 36 |
| 3.2 | Historiografi Islām dan Barat | 38 |
| 3.3 | Historiografi Alam Melayu | 42 |
| 3.4 | Unsur-unsur Historiografi Melayu Islām | 44 |
| 3.4.1 | Tiada Perbezaan antara Silsilah dan Sejarah | 44 |
| 3.4.2 | Asal Usul Keturunan Raja | 45 |
| 3.4.3 | Kedatangan dan Pemelukkan Islām oleh Raja dan Rakyat | 46 |
| 3.4.4 | Penubuhan Kerajaan dan Pembahagian Wilayah | 49 |
| 3.4.5 | Nilai Pendidikan dan Didaktik | 50 |
| 3.4.6 | Tiada Penekanan kepada Ketepatan Tarikh dan Kronologi Peristiwa | 52 |
| 4. | PENGARUH ISLĀM DALAM TEKS <i>SILSILAH RAJA-RAJA JAMBI</i> | 53 |
| 4.1 | Latar Belakang dan Penerbitan Teks | 53 |
| 4.2 | Isi Penting Teks | 55 |
| 4.2.1 | Bahagian Sejarah dan Silsilah | 56 |
| 4.2.2 | Bahagian Undang-undang Adat | 60 |

| | | |
|----------|--|------------|
| 4.2.3 | Bahagian Piagam | 61 |
| 4.2.4 | Bahagian Cerita Rakyat | 61 |
| 4.3 | Pengaruh Islam dalam Teks <i>Silsilah Raja-Raja Jambi</i> | 62 |
| 4.3.1 | Tulisan Jāwi | 62 |
| 4.3.2 | Pengaruh Bahasa Arab | 64 |
| 4.4 | Unsur Akidah dalam Teks SRJ | 67 |
| 4.4.1 | Konsep Tauhid | 69 |
| 4.4.2 | Konsep Akhirat | 73 |
| 4.5 | Unsur Perundangan Islām | 74 |
| 4.5.1 | Hukum Jenayah | 74 |
| 4.5.1.1 | Hukum Qisās | 79 |
| 4.5.1.2 | Hukum Hudud | 82 |
| 4.5.1.3 | Hukum Denda | 85 |
| 4.5.1.4 | Hukum Ta'zir | 86 |
| 4.5.2 | Hukum Keluarga | 87 |
| 4.6 | Unsur Politik Islām (<i>siyāsah shar'iyah</i>) | 88 |
| 4.6.1 | Prinsip dan Nilai Dasar <i>Siyāsah Syar'iyah</i> Dalam Teks SRJ | 93 |
| 5 | KESIMPULAN | 107 |
| | RUJUKAN | 111 |
| | LAMPIRAN | 119 |

SENARAI TRANSLITERASI

I. HURUF

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| ء | ' |
| ب | B |
| ت | T |
| ث | Th |
| ج | J |
| ح | H |
| خ | Kh |
| د | D |
| ذ | Dh |
| ر | R |
| ز | Z |
| س | S |
| ش | Sh |
| ص | Ş |
| ض | D |
| ط | T |
| ظ | Z |

| | |
|---|----|
| ع | ‘ |
| غ | Gh |
| ف | F |
| ق | Q |
| ك | K |
| ل | L |
| م | M |
| ن | N |
| و | W |
| ه | H |
| ي | Y |

II. VOKAL PENDEK

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| اَ | A |
| اِ | I |
| اُ | U |

III. VOKAL PANJANG

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| ا/ى | Ā |
| ي | Ī |
| و | Ū |

IV. DIFTONG

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| و | Aw |
| ي | Ay |
| ي | Iyy/I |
| و | Uww/ū |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------------|---------------------|------------------|
| 1 | Skrip Jawi Teks SRJ | 117 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Sejak kedatangan Islam di Alam Melayu, Islam telah membuat iklim intelektual tumbuh dengan subur. Dalam keadaan seperti itu, masyarakat Melayu melahirkan para pemikir-pemikir muslim dengan pelbagai karya ilmiah mereka seperti: Hamzah Fansuri (w.1607), Shamsu al-Dīn al-Sumatranī (w.1630), Nūr al- Dīn al- Ranirī (w.1658), ‘Abd al-Rāuf al-Singkilī (w.1690), ‘Abd al-Şamad al-Palembanī (w.1789), Raja Ali Haji (w.1873) dan lain sebagainya. Mereka merupakan bukti keberhasilan ‘projek’ Islamisasi di Kepulauan Melayu-Indonesia ini. Islam memang tidak membina patung-patung atau artifak-artifak, tetapi Islam mewariskan sebuah peradaban dan cara pandang baru yang tidak diwariskan oleh agama-agama lain yang dulu juga pernah singgah di Kepulauan ini.

Islam membina peradaban ilmu bukan peradaban batu. Bukti bahawa budaya ilmu itu hidup dan berkembang di Alam Melayu boleh dilihat dari banyaknya karya-karya persuratan Melayu Islam yang tersebar di pelbagai tempat di Nusantara. Inilah yang oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (selanjutnya disebut al-Attas) disebut

sebagai salah satu bentuk Islamisasi, dimana kedatangan Islam telah merubah pandangan alam (*worldview*) masyarakat Melayu, membebaskan akal dan bahasa masyarakat Melayu dari pensekularan dan tradisi-tradisi yang berunsurkan kuasa sakti (*magic*), mitologi, animisma, percaya pada tahayul, khurafat serta faham-faham tempatan yang dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Budha dan bertentangan dengan ajaran Islam.¹ Perubahan yang asas ini memberikan imfak iaitu terciptanya iklim keilmuan yang berkembang pesat di Nusantara yang dibuktikan dengan lahirnya pelbagai karya-karya ilmiah termasuk juga manuskrip-manuskrip yang menjadi sumber sejarah dalam dunia pengkajian Melayu.

Mengenai keragaman dan kekayaan khazanah karya intelektual ulama dan pemikir Alam Melayu, Azyumardi Azra dalam sebuah simposium naskah yang diadakan di Jakarta pada tahun 2004, menyebutkan bahawa kandungan daripada naskah-naskah Nusantara mencakup pelbagai bidang kehidupan, seperti: sastra, agama, sejarah, hukum, ubat-ubatan, adat istiadat, dan lain sebagainya. Dari melihat cakupan bahasan yang ditulis oleh penulis naskah di Nusantara boleh lah kita melihat betapa beragam bidang yang digeluti sesuai dengan kepelbagaian realiti kehidupan masyarakat, sosial, budaya, politik dan lain-lain. Dari sini juga kita boleh menyimpulkan bahawa penulisan naskah berkaitan erat dengan keadaan yang dihadapi oleh masyarakat ketika itu dan juga sekaligus sebagai sebuah cerminan perkembangan zamannya. Oleh kerana itu naskah-naskah ini merupakan sumber yang sangat penting yang tidak semestinya diabaikan dalam melakukan rekonstruksi sejarah masyarakat Nusantara. Mengabaikan naskah-naskah dalam penulisan sejarah bukan hanya keliru secara metodologikal, tetapi juga boleh menghasilkan periwiyatan sejarah yang keliru dan bercelaru.²

Realiti ini tentu bertentangan dengan apa yang didakwa oleh sebahagian Orientalis yang berpandangan bahawa Islam di Alam Melayu tiada memberikan

¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2014), 223.

² Azyumardi Azra, *Naskah dan Rekonstruksi Sejarah Sosial-Intelektual Nusantara*, dalam Kumpulan Tulisan symposium Internasional Pernaskahan Nusantara VIII, Jakarta, 26-28 Juli 2004, ms 1

pengaruh apa-apa jua terhadap kebangkitan peradaban Nusantara.³ Selain meragukan pengaruh yang diberikan Islam terhadap peradaban di Alam Melayu, mereka juga mendakwa bahawa karya persuratan Melayu Islam khususnya karya sejarah tidak patut untuk dijadikan sebagai sumber sejarah Islam di Alam Melayu. Ini kemudian menjadi perdebatan – perdebatan serta memberikan pengaruh bagi pengkaji Islam di Alam Melayu, samaada yang menyokong dakwaan Orientalis yang menyudutkan Islam ataupun yang tidak.⁴

Untuk menentukan sebuah naskah itu memiliki nilai yang baik atau tidak, mesti ada kajian secara menyeluruh dan adil. Hasil atau karya-karya intelektual daripada ulama-ulama Nusantara baik dari abad ke 16 sehingga akhir abad 19 merupakan tonggak intelektualisma di Nusantara. Mereka menulis berdasarkan kepentingan dan keperluan dan berangkat dari realiti masyarakat ketika itu. Janganlah kita sebelum melakukan kajian yang mendalam terhadap sebuah naskah kita sudah membuat satu kesimpulan bahawa naskah lokal di Nusantara tidak bernilai dan tidak bisa dijadikan sebagai sumber sejarah. Seperti yang dulu pernah dilakukan oleh Snouck Hurgronje yang serta merta menganggap naskah *Tarjūman al-Mustafid* karya al-Singkili dari mukasurat depannya sebagai karya terjemahan yang tidak baik dari tafsir *al-Baiḍawī*. Namun setelah dilakukan penyelidikan yang lebih cermat oleh Salman Harun karya itu sangat bagus dan merupakan terjemahan dari tafsir *Jalālain* bukan Tafsir *al-Baiḍawī*.⁵

³ Baca Tatiana Denisova, *Refleksi Historiografi Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 3.

⁴ Salah satu contoh sarjana Barat yang berkesimpulan bahawa kedatangan Islam tiada membawa apa-apa perubahan bagi masyarakat di Alam Melayu ialah Van Leur. Kesimpulan Van Leur disebut oleh al-Attas sebagai sebuah hukuman yang telah di jatuhkan kepada Islam. Bukan hanya Van Leur, bahkan pengkaji-pengkaji lainnya yang berasal dari Belanda memiliki kecenderungan untuk memperkecil-kecilkan peranan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia ini. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Himpunan Risalah* (Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS UTM, 2015), 444. J.C. Bottoms menafikan kewujudan konsep sejarah di Alam Melayu pada zaman tradisional dan meletakkan tarafnya setanding dengan karya-karya mengandungi hiburan semata-mata. Lihat J.C. Bottoms, *Malay historical Works*, dalam K.G. Tregonning (ed.), *Malaysian Historical Sources*, (Singapore: History Department, University of Singapore, 1962), ms. 38. Baca juga pandangan Bottoms tentang karya sejarah Alam Melayu dalam: *Some Malay historical Sources: A Bibliographical Note*. Dalam Soedjatmiko et.al. (ed.), *An Introduction to Indonesian Historiography*, (New York: Cornell University Press, 1965), ms. 163

⁵ Azra, *Naskah dan rekonstruksi sejarah sosial-intelektuan Nusantara*, 3.

Penyelidikan yang serius dan cermat terhadap naskah lokal terutama yang bercorak keagamaan boleh mengungkap sifat-sifat keagamaan masyarakat secara utuh, disamping juga boleh merekonstruksi sejarah Islam di Nusantara. Kajian Islam dalam konteks lokal tentu saja bertujuan untuk melihat dan merasakan keterkaitan dan keterikatan dengan kajian Islam secara global. Namun sayangnya, perhatian dan penyelidikan terhadap naskah-naskah lokal yang merupakan khazanah intelektual dan bukti hidupnya budaya ilmu di Nusantara masih sangat minim. Tanpa kita sedari sebagian intelektual kita masih berpegang dan ‘menurut’ kepada metod atau cara Barat dalam mengkaji sejarah di Nusantara, khususnya dalam kajian naskah lokal yang bercorak sejarah, masih terdapat penilaian yang tidak adil terhadap karya sejarah lokal termasuk karya sejarah Islam di Jambi yang berdasarkan kepada teks SRJ ini.

Kajian mengenai karya sejarah Islam di Jambi yang bersandarkan pada teks Melayu Islam ini adalah termasuk wilayah kajian pemikiran sejarah atau falsafah sejarah. Menurut R.G. Collingwood, istilah ‘falsafah Sejarah’ telah di munculkan oleh Voltaire pada abad ke-18 dengan membawa maksud ‘sejarah yang kritis atau saintifik’.⁶ Dalam pandangan al-Attas pula, kajian mengenai pemikiran atau Falsafah sejarah ini merupakan kajian yang berdasarkan pada pandangan yang besar dan luas serta berkaitan dengan perenungan ilmiah dan bukannya kajian yang bersifat runcitan semata.⁷ Oleh kerana itu, ia tidak boleh dilihat daripada sifat luarannya semata-mata tetapi perlu melihat sifat dalamannya kerana sifat luaran bukanlah syarat sah bagi penilaian terhadap pemikiran sejarah. Ini kerana di dalamnya tersembunyi segala falsafah serta pengajaran yang boleh dijadikan pengajaran (*i'tibar*) bagi generasi yang akan datang.

Sejarawan moden meletak suatu garis panduan dan kayu ukur tentang sebuah karya sejarah. Sebuah teks dianggap sebagai teks sejarah apabila memenuhi ciri-ciri

⁶ R.G. Collingwood, *Idea sejarah*, Terjemahan Mohd. Yusof Hashim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), xxxi.

⁷ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1990), ms. 2

yang telah ditentukan oleh kaedah penyelidikan sejarah moden, iaitu: saintifik, humanistik, rasional, dan penjelasan diri (*self-revelatory*).⁸

Bila ciri-ciri di atas yang dijadikan kayu ukur dalam menilai sebuah karya sejarah, maka banyak karya persuratan Melayu, termasuk teks SRJ (yang menjadi fokus kajian ini), tidak memenuhi semua ciri-ciri dan standar di atas. Tidak hanya para pengkaji sejarah dari Barat, sejarawan atau pengkaji sejarah lokal yang taksud kepada kayu ukur sejarah moden pun ikut mengesakan dan mengabaikan karya-karya persuratan Melayu yang bernilai sejarah untuk diakui sebagai karya historiografi. Tentulah tidak bijak bila kita memberikan penilaian kepada penulis atau penyalin sejarah zaman dulu dengan penilaian moden. Sebab mereka hidup dizaman mereka dan tentu melakukan sesuatu yang bersesuaian dengan situasi dan kondisi masa itu, apa yang mesti dilakukan adalah melakukan semakan secara kritis dan terperinci untuk menyaksikan kebenarannya.⁹

Impak daripada kemunculan pemikiran sejarah moden yang meletakkan ciri-ciri atau kayu ukur dalam penilaian sebuah karya dan sumber sejarah sepertimana yang dijelaskan diatas, telah berlaku bagi menilai teks SRJ. Ali Muzakkir misalnya menyebutkan bahawa teks SRJ tidak memadai untuk dijadikan sumber sejarah atau disebut sebagai karya historiografi kerana di dalamnya didapati unsur-unsur mitos dan fakta-fakta sejarah yang susah untuk dibuktikan.¹⁰ Meskipun beliau akhirnya juga menyebut bahawa penulisan sejarah Islam di Jambi tidak boleh terlepas dari sumber-sumber lokal termasuk teks SRJ ini.

⁸ *Saintifik* bermaksud bahawa sebuah sumber sejarah atau idea penulisan sejarah mesti berdasarkan pada data atau bukti- bukti sejarah yang kongkrit dan shohih. Begitu pula dengan *humanistik*, bahawa sumber sejarah mestilah berunsurkan kepada kemanusiaan, data dan fakta sejarah berkenaan sebuah peristiwa melibatkan peranan manusia sebagai agen penggerak sejarah. Sedangkan *rasional* pula bermaksud bahawa penulisan sejarah mesti bersandarkan pada sumber-sumber yang boleh diterima oleh akal yang sihat. Manakala ciri *Self Revelatory* bermaksud kewujudan sejarawan yang memberi maklumat sejarah dengan tujuan sebagai pengajaran bagi generasi yang akan datang. lihat lagi R.G. Collingwood, *op.cit*, ms. 7

⁹ Tatiana Denisova, *Refleksi Historiografi Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 5.Selanjutnya disebut: *Refleksi Historiografi*.

¹⁰ Ali Muzakkir, *Pemikiran Islam di Jambi; Memperkuat Kajian Islam Melalui Naskah-naskah Lokal*, (Jambi: Sulthan Thaha Press, 2011).

Meski teks SRJ ini disalin ketika penjajah telah sampai ke Jambi (namun bukan bererti itu menggugurkan statusnya sebagai teks Melayu tradisional) di penghujung abad ke-19 dan sudah mendekati abad ke-20, namun semua ciri-ciri dan unsur-unsur serta struktur yang terkandung dalam teks SRJ sama dengan teks-teks Melayu Islam lainnya yang berasal dari abad ke-17. Hal ini juga mengisyaratkan bahawa teks SRJ sebenarnya ditulis sebelum abad ke-19, meski tiada maklumat apa-apa mengenai tarikh dan penulis asal daripada teks SRJ ini.

Bermula dari kehadiran Islam ke Alam Melayu, para penulis sejarah (termasuk juga penulis teks SRJ) telah memiliki matlamat yang jelas dalam menghasilkan karya sejarah, iaitu untuk memberi panduan dan pengajaran bagi generasi-generasi berikutnya melalui pemaparan kisah-kisah dan maklumat-maklumat yang berkaitan dan yang berlaku di zaman mereka, sama ada tentang kehidupan sosial kemasyarakatan, politik dan pemerintahan, hukum hakam dan lain sebagainya.¹¹

Tradisi pengajian sejarah telah mula berkembang di Nusantara seiring dengan perkembangan Islam yang terus pesat. Ismāil Hamid menjelaskan bahawa di masa pemerintahan Aceh dipimpin oleh Sultan Iskandar Muda, selain pengajian tasawwuf dan ilmu-ilmu agama lainnya, masyarakat pada ketika itu juga amat digalakkan mengkaji sejarah. Sehingga aktiviti-aktiviti pembacaan hikayat berkembang dan diminati oleh masyarakat, bahkan ada di antara masyarakat yang mengorbankan masa di waktu malam semata-mata ingin mendengar hikayat yang dibacakan oleh para pedagang, yang juga merupakan Ulama' yang singgah di Aceh sambil menunggu musim angin monsun berubah dan kemudian melanjutkan kembali perjalanannya.¹²

¹¹ Arbai'yah Mohd. Noor, *Idea Sejarah Melayu: Kajian Berdasarkan Teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis*, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan sains sosial, Universiti Malaya, 2007, ms. 13

¹² Ismāil Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, Monograf 1, (Bangi: Institut Bahasa, UKM, 1983), ms. 44. Mengenai budaya pengajian agama dan sejarah yang berkembang di Alam Melayu ini, perlu juga di lihat pengakuan De Eradia sewaktu beliau berada di Melaka pada abad 16. Menuru De Eradia melalui budaya pengajian yang berkembang ketika itu ternyata bukan hanya melahirkan kefahaman sejarah dan kesedaran untuk menjaganya, tapi juga turut membuat mereka yang ikut pengajian berkebolehan dalam bidang-bidang yang lain seperti membaca, menulis, matematik, dan lain sebagainya. baca : Godongo De Eradia, *Description of Malaca, meridional India and Cathay*, J.V. Mills (Terjemahan), *MBRAS*, Reprint ke 14, 1997, ms. 31. Begitu juga gambaran dari kesaksian Francois Valentyn yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu pada abad 18 sangat mahir

Jika di masa lampau tradisi penulisan sejarah Islam berkembang sehingga didapati hari ini karya-karya ulama Melayu bersifat sejarah, maka sudah semestinya kajian atau penyelidikan terhadap karya-karya sejarah dilanjutkan agar karya tersebut memiliki makna dan memberi sumbangan terhadap upaya rekonstruksi penulisan sejarah Islam di Alam Melayu. Mungkin ini yang menjadi alasan mengapa pihak Istana di Alam Melayu pada zaman lampau memberikan sarana pengajaran dan penulisan sejarah dengan melantik seseorang untuk menulis atau menyalin sejarah agar masyarakat ketika itu dan generasi yang akan datang tidak kelam sejarah, seperti yang dilakukan juga oleh Sultan Ṭāha Shaif al-Dīn kepada Ngebih Sutho Dilogo agar menyalin teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* ketika itu.¹³

Oleh kerana itu sudah semestinya teks SRJ ini diperlakukan dan diletakkan pada tempatnya yang sesuai, dengan cara mengkaji dan mengambil segala maklumat dan manfaat dari dalamnya untuk memperteguh lagi sejarah perkembangan Islam di Jambi, bukan hanya di teliti sekedarnya dengan hanya mengalihaksarakan, kemudian membuat kesimpulan-kesimpulan dalam pelbagai kecelaruan dalam penafsiran idea yang terkandung di dalamnya, sehingga akhirnya jalan sejarah tetap tidak tercerahkan.

Inilah yang melatarbelakangi penulis melakukan kajian terhadap teks SRJ ini guna mewujudkan harapan di atas. Sehingga teks SRJ ini juga akan lebih bermakna dan dikenali lagi serta bernilai bagi sumber sejarah Islam di Jambi. Dengan demikian teks ini boleh diletakkan sejajar dengan warisan persuratan Melayu Islam lainnya di Alam Melayu dan yang terpenting diakui sebagai karya historiografi Melayu Islam Jambi.

menguasai pelbagai bahasa, mulai dari bahasa Melayu, Arab, Persia hingga sanskrit. Lihat Muller (terjemahan), *Valentyn's Description of Malaca*, JSBRAS, No 13, Jun 1884, ms, 52-53. dari dua kesaksian itu saja sudah cukup untuk membuktikan bahawa orang Melayu sangat menjunjung tinggi Ilmu, cerdas, bijaksana dan menguasai pelbagai bidang ilmu, meski ada juga sebahagian orang Melayu yang hanya sibuk dengan pekerjaannya dan tidak sempat untuk belajar.

¹³ Teks *Silsilah Raja-Raja Jambi*, pasal pembukaan pasal undang-undang adat, ms. 30

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Mengkaji teks warisan Islam di Jambi, tidak boleh terlepas dari melihat dan menganalisis sejarah perkembangan Islam di Jambi. Sama seperti halnya proses Islamisasi di kawasan-kawasan lain di Nusantara, Jambi juga melalui proses Islamisasi yang serupa. Namun perbezaan dalam proses kedatangan Islam antara satu kawasan dengan kawasan yang lain tetap ada terutama bagaimana pola penerapan ajaran-ajaran Islam yang bersentuhan langsung dengan adat dan kebudayaan tempatan yang beragam di setiap kawasan di Nusantara ini.

Selain akan membuktikan bahawa teks SRJ adalah sebuah teks historiografi Islam, kajian ini selanjutnya yang terpenting adalah menganalisis bagaimana teks SRJ tergolong karya historiografi Islam Jambi. Perkara ini tentu menjadi perkara yang amat memberi manfaat ditengah banyaknya keclaruan dan pelbagai tafsir dan pandangan tentang teks SRJ ini, sama ada ia sebagai teks biasa atau merupakan karya historiografi Islam di Jambi yang diterima pakai.

1. Bagaimana latar belakang dan perkembangan sejarah Islam di Jambi dalam kurun abad ke-19-20?
2. Bagaimana menganalisis pengaruh dan unsur-unsur Islam yang terdapat di dalam teks SRJ.
3. Bagaimana membuktikan bahawa teks SRJ merupakan karya historiografi Islam Jambi ?

1.3 Objektif Kajian

1. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejarah perkembangan Islam di Jambi kurun abad ke 19-20.
2. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan pemahaman dan satu kesimpulan bahawa teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* adalah teks yang dipengaruhi oleh Islam di Jambi dalam kurun abad ke-19-20.
3. Kajian ini juga untuk menganalisis unsur-unsur Islam dalam teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* dan membuktikan bahawa teks SRJ merupakan karya historiografi Islam Jambi abad ke-19-20.

1.4 Kepentingan Kajian

1. Kajian ini akan melihat teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* dengan perspektif baru yang belum dilakukan oleh peneliti sebelumnya, seperti analisis pada bahasa, falsafah dan lain sebagainya.
2. Kajian ini bermaksud memberi sumbangan terhadap penulisan sejarah Islam di Jambi. Sampai sejauh ini historiografi Islam di Jambi belum ditulis secara komprehensif dan mendalam, dikeranakan banyaknya pro dan kontra mengenai fakta dan fiksyen yang Terdapat didalam sumber lokal historiografi Jambi.
3. Kajian ini membantu masyarakat untuk menbolehkan pemahaman yang betul mengenai sejarah Islam di Jambi.

4. Kajian ini juga boleh menjadi penunjang semangat bagi masyarakat Jambi khususnya dan umat Islam amnya untuk melestarikan dan menghargai karya-karya persuratan Melayu yang Terdapat di Jambi.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya fokus pada teks *Silsilah Raja-Raja Jambi*. Teks ini akan dianalisis secara kritikal dengan menggunakan metod yang dibenarkan sehingga menbolehkan pemahaman yang mendalam tentang fakta-fakta sejarah Islam dan melihat pengaruh Islam dalam historiografi di Jambi.

1.6 Kajian Terdahulu

Penyelidikan dan kajian yang mengangkat atau membahas tentang sejarah Islam di Jambi belum begitu menboleh perhatian yang luas dari para penulis, pengkaji atau peneliti yang ada di Jambi khasnya, di Nusantara pada amnya. Minimnya minat para pengkaji yang ingin mengeksplorasi Islam dan meneliti tentang sumber-sumber sejarah Islam di Jambi disebabkan kurangnya literatur-literatur yang memadai untuk di kaji.

Bila dibandingkan dengan tempat lain di Nusantara, maka akan nampak bahawa kajian tentang historiografi Islam di Jambi belum ditulis secara mendalam. Kalaupun ada yang mengangkat topik tentang Islam di Jambi, itupun hanya di singgung sedikit sahaja. Para sarjana tempatan lebih berminat mengkaji Jambi dalam perspektif atau

bidang yang lain, dan tidak memberikan perhatian serius untuk menggali sejarah Islam. Berbeza dengan kawasan-kawasan lain di sekitar Jambi seperti Palembang, Riau, dan lain sebagainya, di mana sudah lebih dahulu mendapat perhatian dari para sejarawan sama ada dari tempatan, regional, nasional maupun antarabangsa.

Sejarah dan Dinamika Islam di Jambi Berdasarkan Sumber-Sumber Lokal oleh Ali Muzakkir.¹⁴ Artikel ini diawali dengan melihat hubungan Jambi dengan negeri-negeri lain di Sumatera seperti Palembang, Riau dan Minangkabau dan keterkaitan hubungan sosial keagamaan dengan negeri lainnya. Dalam artikel ini dijelaskan bahawa sehingga akhir tahun 1800 masihi tidak ada catatan yang jelas mengenai sejarah dan perkembangan Islam di Jambi. Memasuki abad ke-19, Jambi baru memiliki naskah lokal yang menjadi sumber historiografi Jambi yang di tulis oleh ulama Jambi dan orang-orang dari kesultanan Jambi. Naskah yang berasal dari abad ke-19 ini merupakan sumber yang penting untuk melakukan rekonstruksi sejarah dan dinamika Islam di Jambi, meski penulis mengakui bahawa di dalam karya historiografi Jambi ini sulit membezakan antara fakta sejarah dan mitos-mitos atau legenda.

Artikel ini fokus pada dua sumber lokal pensejarahan Jambi iaitu: *Undang-Undang Piagam Pencacahan Jambi (UUPJ)* dan *Silsilah Raja-Raja Jambi (SRJ)*¹⁵. Kedua sumber ini hanya ada dalam bentuk foto copy sementara versi original sampai setakat ini belum diketahui keberadaannya. Dalam menganalisis dua teks ini, penulis membagi period sejarah yang terdapat di dalamnya iaitu period “dahulukala”, period Jambi di bawah kekuasaan Tun Telanai (merupakan utusan daripada Mataram) dan periode kedatangan Islam yang bermula dari kedatangan Datuk Paduka Berhala pada tahun 864/1460 Masihi, yang kemudian menikah dengan Putri Selara Pinang Masak, yang menjadi penguasa Kerajaan Jambi pada awal abad ke-15. Kemudian artikel ini juga menyinggung pasal perkembangan kerajaan Jambi, kerajaan Jambi eksis secara

¹⁴ Ali Muzakkir, *Sejarah dan Dinamika Islam di Jambi Berdasarkan Sumber-Sumber Lokal*, dalam Jurnal Seloko Vol. 1, Bil.1, 2012.

¹⁵ Pihak Jabatan Kebudayaan dan Muzeum Propinsi Jambi memberi tajuk kepada naskah ini dengan: *Silsilah Raja-Raja Jambi, Piagam dan Cerita Rakyat Jambi* dan lebih dikenal dengan sebutan naskah *Silsilah Raja-Raja Jambi (SRJ)*. Penamaan ini berdasarkan kandungan yang Terdapat di dalam naskah.

efektif sejak berada dibawah kepemimpinan sultan abd al-Qahār (1615-1643) bahkan nama sultan sudah terkenal dikalangan peniaga-peniaga dan pengkaji ketimuran dari Eropah. Kesultanan Jambi berakhir dengan wafatnya Sultan yang terakhir yang diakui rakyat Jambi iaitu Sultan Taha Shaif al-Dīn (1858-1904) dalam sebuah pertempuran dengan Belanda di Betung Berdarah, Muara Tebo, Jambi.

Disini sangatlah nampak bahawa penulis artikel ini belum menghuraikan dan menganalisis sejarah perkembangan teks serta pengaruh Islam yang Terdapat didalam teks.

Sejarah dan Struktur Undang-Undang Kesultanan Jambi oleh Ayub Mursalin,¹⁶ artikel ini membahas dua aspek pertama, mengenai Sejarah Islam Jambi berdasarkan teks-teks historiografi Jambi. Penulis mencoba melakukan kritik terhadap tiga nama iaitu Datuk Paduka Berhala, Putri Selaras Pinang Masak dan Orang Kayo Hitam seperti yang di jelaskan dalam teks. Menurut teks lokal Jambi, baik *Undang-Undang Piagam Pencacahan Jambi* (UUPJ) mahupun *Silsilah Raja-Raja Jambi* (SRJ) menyebutkan bahwa Islamisasi Melayu Jambi berawal dari kedatangan Ahmad Salim atau Ahmad Barus II atau Datuk Paduka Berhala¹⁷ daripada Turki dan menikah dengan penguasa kerajaan Jambi iaitu Putri Selara Pinang Masak dan memperolehi empat orang anak yang salah satunya adalah Orang Kayo Hitam. Dalam artikel ini penulis cuba menganalisis sumber lain yang lebih masuk akal lagi yang mengatakan bahawa Datuk Paduka Berhala sebenarnya bukan berasal dari Turki tetapi daripada Melaka. Penulis mengemukakan alasan-alasan berdasarkan pencariannya di beberapa sumber tentang silsilah keturunan Datuk Paduka Berhala (DPB). Menurutny, DPB atau Datuk Paduka Berhala adalah anak kepada Syaikh Ismāil Pulau Besar dan Sharifah Siti Maimunah. Syaikh Ismāil lahir di Baghdad pada 17 Rabiul Awwal 867 H yang kemudian merantau

¹⁶ Ayub Mursalin, *Sejarah dan Struktur Undang-Undang Kesultanan Jambi*, dalam Jurnal Seloko, Vol. 1, Bil. 2, 2012.

¹⁷ Nama Ahmad Salim Berhala, Ahmad Barus II dan Datuk Paduka Berhala adalah orang yang sama. banyaknya pendapat mengenai nama sebenar dari Datuk Paduka Berhala membuat sejarawan di Jambi tidak dapat memberikan kepastian, sehingga di kalangan masyarakat Jambi memiliki nama pembawa Islam ke Jambi bermacam-macam. Namun penulis menggunakan nama yang paling banyak digunakan oleh sejarawan Jambi dan sudah jelas juga disebut dalam teks SRJ ini, iaitu Datuk Paduka Berhala.

ke Melaka, ia merupakan seorang ulama besar keturunan Rasulullah *sallallāh ‘alaihi wasallam* ke 18 daripada Sayyidinā Hasan. Akibat serangan Portugis atas Melaka pada 1521 Masehi membuat Datuk Paduka Berhala turut berperang bersama istrinya, dalam pertempuran ini Istrinya gugur. Kerana suasana yang tidak begitu nyaman atas nasihat daripada ibunya, Datuk Paduka Berhala pergi berdakwah ke tempat lain di Nusantara dan tempat yang dipilih adalah Palembang. Dalam perjalanan menuju Palembang kapal yang ditumpangi Datuk Paduka Berhala karam dan dia terdampar di satu pulau yang banyak terdapat berhala dan tidak begitu jauh dari pusat kerajaan Jambi. Oleh kerana terdampar di Pulau Berhala, masyarakat Jambi menyebutnya sebagai Datuk Paduka Berhala.

Pada aspek kedua, penulis artikel fokus pada analisis hukum adat yang terdapat dalam naskah-naskah lokal iaitu “Oendang-Oendang Jambi”. Naskah Undang-undang Jambi terdapat dua versi, satu versi yang di terbitkan oleh L.W.C. Van Den Berg dan satu lagi terdapat dalam naskah SRJ. Selain berbeza penyalin, dari sisi masa penyalinanpun terdapat selisih faham, begitu juga mengenai Jumlah bab dan pasal di dalam Undang-Undang Jambi itu.

Dengan demikian, artikel ini hanya membahas tentang sejarah awal kedatangan Islam di Jambi dan mencoba menjelaskan kontroversi mengenai asal usul Datuk Paduka Berhala yang sudah diperdebatkan sarjana-sarjana di Jambi sampai ke hari ini. Dan kemudian membahas mengenai hukum hakam yang berlaku dalam kerajaan Jambi berdasarkan naskah lokal undang-undang Jambi tersebut.

Pemikiran Islam di Jambi: memperkuat Kajian Islam Melalui Naskah-Naskah Lokal oleh Ali Muzakkir.¹⁸ Dalam kajian ini dibahas tentang perkembangan tasawuf di Jambi berdasarkan manuskrip-manuskrip yang terdapat di Jambi. Ali Muzakkir sedikit menyinggung tentang sejarah Islam dalam naskah lokal di Jambi, seperti yang disebutkannya bahawa untuk menelusuri perkembangan Islam di Jambi setidaknya

¹⁸ Ali Muzakkir, *Pemikiran Islam di Jambi: memperkuat Kajian Islam Melalui Naskah-Naskah Lokal* (Jambi: Sulthan Thaha Press, 2011).

hanya ada dua sumber lokal (*local chronicles*) yang boleh dijadikan rujukan iaitu *undang-undang Piagam Pencacahan Jambi* yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan aksara jāwi oleh Ngebih Sutho Dilogo Priyayi Jebus pada tahun 1317 H/1899 M dan *Silsilah Raja-Raja Jambi* yang juga di salin oleh penulis yang sama pada tahun 1358 H/1928 M.

Menurut Ali Muzakkir dalam naskah-naskah tersebut dibahas dalam tiga fasa. Pertama, Jambi pada zaman dahulu kala di mana kepercayaan masyarakat Jambi masih berpegang dengan kepercayaan asli (*animism*). Kedua, mengisahkan tentang Jambi pada zaman pengaruh Hindu-Buddha dan bahagian Ketiga, mengisahkan tentang Jambi dengan kedatangan agama Islam iaitu kedatangan Datuk Paduka Berhala yang diyakini berasal dari Turki dan terdampar di kawasan perairan Jambi.

Dalam kajiannya ini, Ali Muzakkir cenderung untuk mempertanyakan kesahihan dari kebolehan hikayat-hikayat seperti yang terdapat dalam dua naskah di atas sebagai fakta sejarah. Namun, Ali kemudian memberi pemakluman bahwa kes seperti ini tidak sahaja berlaku di Jambi, tetapi juga berlaku hampir merata di semua tempat di Nusantara. Dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Ali Muzakkir ini boleh dikatakan bahawa yang menjadi fokusnya adalah melihat perkembangan dinamika tarekat di Jambi dengan mengkaji beberapa manuskrip yang terdapat di Jambi, penulis tidak menghuraikan secara runcitan pengaruh Islam yang terdapat di dalam naskah-naskah yang di kajinya, khususnya terhadap dua naskah yang disebutkan di atas.

Bolehlah dikatakan bahawa belum ada satu kajian yang menjadikan teks SRJ ini sebagai objek kajian yang serius dan mendalam, seperti untuk tesis master ataupun doktorat dan program penyelidikan lainnya.

Selain itu juga terdapat beberapa buku lainnya yang juga ada menyinggung tentang Islam di Jambi. Penyelidikan yang dilakukan oleh Kadir Sobur untuk kepentingan disertasi program doktoralnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun 2008 lalu. Yang kemudian disertasi tersebut diterbitkan dengan tajuk: *Teologi*

Progresif, Mengungkap Corak Teologi Asy'ari dalam Doktrin Akidah Masyarakat Melayu. Dalam buku ini menyinggung tentang historiografi dan pembauran Islam ditengah masyarakat Melayu Jambi. Dalam salah satu sub babnya membicarakan tentang kedatangan Islam ke Nusantara secara umum, kemudian mengaitkan dengan proses kedatangan Islam ke Jambi.

Mukti Nasruddin pula dalam bukunya *Jambi dalam Sejarah Nusantara 692-1949 M* khususnya pada bagian ketiga buku ini membahas tentang kerajaan Melayu II (Kesultanan Jambi) di mana kerajaan Melayu II ini adalah kerajaan yang dibangun oleh Putri Selaras Pinang Masak di ujung Jabung daerah paling Timur Provinsi Jambi saat ini dan menjadi cikal berdirinya Kesultanan Jambi atau Kerajaan Melayu Islam di Jambi. Berdirinya Kerajaan Melayu II ini sekaligus sebagai tanda dibukanya fasa baru setelah Kerajaan Melayu I (Melayu Kuno) runtuh seiring dengan memudarnya pengaruh kerajaan Majapahit di Jawa.

1.7 Metodologi Penyelidikan

Metode penelitian adalah cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran ilmu pengetahuan yang bersangkutan. Penggunaan metode yang tepat dapat memecahkan persoalan dalam memberikan hasil penelitian yang tepat. Dalam bidang filologi penggunaan metode meliputi dua hal yaitu pertama metode suntingan teks dan kedua kajian teks.

1.7.1 Jenis Penyelidikan

Jenis penyelidikan yang dipilih oleh peneliti untuk mengkaji objek penyelidikan adalah penyelidikan kualitatif. Edi Subroto menyatakan bahwa “metode penyelidikan kualitatif merupakan metode pengkajian atau metode penelitian suatu naskah yang tidak didesain atau dirancang menggunakan prosedur-prosedur statistik”.¹⁹

1.7.2. Bentuk Penyelidikan

Pada penelitian ini peneliti menggunakan penelitian kualitatif-deskriptif. Penyelidikan deskriptif adalah menuturkan dan menafsirkan data yang ada misalnya tentang situasi yang dialami, satu hubungan, kegiatan, pandangan sikap yang menampak, atau tentang satu proses yang sedang berlangsung pengaruhnya yang sedang bekerja, kelainan yang sedang muncul, kecenderungan yang menampak, pertentangan yang meruncing, dan sebagainya.²⁰ Dalam rangka menginterpretasi teks digunakan analisis isi. Walizer mengemukakan bahwa analisis isi adalah prosedur sistematis yang dirancang untuk mengkaji isi atau maklumat.²¹ Dengan demikian isi atau maklumat dalam naskah dapat diketahui sehingga mudah untuk difahami.

¹⁹ Edi Subroto, *Pengantar Studi Semantik* (Surakarta: Cakrawala, 2011), 5.

²⁰ Winarno Surakhmad, *Pengantar Penelitian Ilmiah, Dasar Metode Teknik* (Bandung: Tarsito, 2004), 139.

²¹ Dalam Arif Sukadi Sadiman, 1987, 47.

1.7.3 Metode Kajian Teks

Karya sejarah Melayu Islam, meski ditulis pada masa tradisional dan juga konvensional, namun ia boleh dikaji terutama dengan melakukan interpretasi falsafi terhadap peristiwa yang terkandung di dalamnya dan menyesuaikan dengan latar belakang sejarah penulisannya pada masa itu.

Kajian terhadap teks SRJ ini, dikaji dengan metode deskriptif, yaitu memberikan huraian dan penjelasan, serta mendedahkan pokok permasalahan. Dalam rangka kajian teks SRJ tersebut, peneliti menggunakan pendekatan analisis isi.

1.7.3.1 Metod Analisis Isi

Dalam rangka interpretasi teks maka digunakan analisis isi yang berusaha mengungkap isi naskah. Dalam kaitannya dengan interpretasi, Nasution berpendapat bahwa “jika peneliti tidak dapat mengadakan interpretasi dan hanya menyajikan data deskriptif saja, maka sebenarnya penelitian itu sia-sia saja dan tidak memenuhi harapan.” Interpretasi sebenarnya bukan hanya dilakukan pada taraf akhir, melainkan telah dilakukan sepanjang penelitian berlangsung. Dengan demikian kandungan isi naskah akan dapat diketahui dan dipahami dengan mudah oleh para pembacanya.

Penelitian ini menggunakan data yang diperoleh secara kualitatif. Untuk mengungkapkan isi naskah, penelitian ini menggunakan metod analisis isi. Menurut Suwardi Endraswara analisis isi digunakan apabila peneliti hendak menghuraikan, memahami, dan menangkap pesan yang terkandung dalam sebuah karya. Dalam

penelitian ini, metod analisis isi dilakukan dengan cara mengungkap isi atau pesan yang terkandung dalam teks SRJ.

1.7.4 Langkah Pengumpulan Data

Kaedah yang dilakukan dalam kajian telah dilakukan dengan memilih kaedah-kaedah yang relevan sehingga boleh menghasilkan sistem penulisan yang tersusun dan boleh dipertanggungjawabkan secara akademik.

Penyelidikan terhadap teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* (SRJ) dijalankan dalam dua tahap: tahap pertama ialah penulis melakukan penyelidikan terhadap teks SRJ, dan berusaha menbolehkan salinannya. Tahap kedua ialah meneliti dan membandingkan serta menganalisis kandungan teks untuk menbolehkan maklumat mengenai historiografi Islam di Jambi.

Dalam tahap pertama ini, selain penulis melakukan pencarian teks dan berusaha menbolehkan salinannya, ini juga merupakan tahap pengumpulan data terhadap kajian ini. Langkah pertama penulis melakukan perbincangan dengan tokoh-tokoh sejarawan tempatan tentang keberadaan teks SRJ. Bahkan penulis berusaha menemui keturunan-keturunan Sultan Tāha Shaif al-Dīn (1816 -1904) dikeranakan pada masa kepimpinan beliau teks ini disalin.

Bagi memastikan keberadaan teks SRJ yang original, penulis telah melakukan lawatan kepada pelbagai tempat di Jambi, seperti Badan Perpustakaan Daerah Propinsi Jambi, pusat arkib, dan melakukan temu duga dengan ahli waris untuk menbolehkan maklumat yang jelas tentang keberadaan teks yang asli. Penulis juga melakukan pencarian teks yang asli ke pusat manuskrip Perpustakaan Nasional Republik Indonesia

pada 10 April 2013 di Jakarta, melihat dan memeriksa katalog yang ada di perpustakaan Nasional, penulis masih belum berhasil mendapatkan maklumat tentang teks ini. Begitu juga ketika penulis melakukan lawatan ke pusat manuskrip negara Malaysia teks SRJ juga tidak dikenali. Penulis juga mencoba melakukan pencarian dengan melayari secara online di situs-situs British Library, Nedherland dan lain sebagainya. Mengingat pentingnya maklumat yang Terdapat di dalam teks ini dan kepentingannya bagi masyarakat Jambi, maka penulis akhirnya tetap melakukan kajian ini berdasarkan teks foto copy.

Pada tahap kedua pula, adalah tahap dimana penulis melakukan penyelidikan terhadap teks SRJ dengan membuat perbandingan teks²² dengan teks-teks lain yang relevan secara isi dan *genre* dengan teks SRJ ini. Dan melakukan pengecekan terhadap transliterasi teks SRJ yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kebudayaan Jambi dan Museum Negeri Jambi.

Penulis juga melakukan penyelidikan terhadap beberapa karya tempatan tentang kajian teks ini. Alī Muzakkir adalah orang pertama yang secara lengkap melakukan kajian teks SRJ dalam kajiannya mengenai perkembangan Islam di Jambi, hasil kajiannya di terbitkan dalam Jurnal Seloko edisi pertama tahun 2012. Selain itu, bagi menambah data-data tentang teks ini, penulis juga melakukan temuduga pada 3 Ogos 2013 dengan pemegang salinan teks ini yang juga merupakan pemilik teks ini. Dalam sesi temuduga ini penulis berusaha mendapatkan data mengenai asal usul teks dan yang terpenting mencari tahu keberadaan teks yang asli.

Secara amnya, dalam mengkaji teks SRJ ini penulis melakukan tahapan-tahapan berikut:

²² Perbandingan teks ini merupakan metode penyelidikan yang amat penting dalam kaedah kajian teks seperti yang ditekankan oleh prof. Tatiana Denisova dalam *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011),13. begitu juga panduan yang telah ditetapkan oleh Wan Suhaimi Wan Abdullah dalam: *Kajian Manuskrip al-Mu'tabar Fī al-Hikmah (Kitab al-Nafs) Karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547 H/ 1152 M.): Kearah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu Islam*, (Jurnal Afkar, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islā, Universiti Malaya, bil. 6, mei 2005), 279.

1. Mengenalpasti teks SRJ ini
2. Mengesan lokasi keberadaan teks ini
3. Membandingkan teks ini dengan teks-teks persuratan Melayu lainnya
4. Seterusnya membuat penjelasan terhadap ungkapan atau istilah kabur atau bahasa-bahasa lokal yang tidak banyak difahami lagi serta menjelaskan tokoh-tokoh dan peristiwa yang Terdapat dalam teks ini.

1.7.5 Cara Pengolahan Data

Pengolahan data dalam penelitian ini menggunakan beberapa tahapan yaitu: tahap deskripsi, tahap analisis, dan tahap evaluasi.

1. Tahap Deskripsi

Pada tahap ini peneliti mengumpulkan data-data yang kemudian diklasifikasikan dan dideskripsikan secara jelas. Teks SRJ tersebut dideskripsikan untuk memberi gambaran yang jelas tentang hal-ehwal naskah.

2. Tahap Analisis

Data-data yang telah diklasifikasikan kemudian dianalisis dan dikaji berdasarkan teori-teori ilmiah dan sesuai dengan permasalahan.

3. Tahap Evaluasi

Pada tahap ini, peneliti mengevaluasi data yang telah dideskripsikan dan dianalisis supaya didapat hasil yang boleh dipertanggungjawabkan, dan kemudian untuk dapat ditarik simpulannya secara tepat.

1.7.6. Cara Penarikan Kesimpulan

Dari hasil deskripsi, analisis data dan evaluasi selanjutnya dilakukan penarikan kesimpulan. Penarikan kesimpulan dilakukan dengan cara induktif yaitu cara penarikan kesimpulan dengan mengambil data-data, peristiwa-peristiwa, yang bersifat khusus terlebih dahulu, kemudian diambil suatu kesimpulan secara umum.

1.8 Susunan Kajian

Kajian ini mengandung lima bab. Pada bab pertama akan membicarakan mengenai perkara-perkara yang asas yang menjadi latar belakang daripada kajian ini. Ianya melingkupi juga kenyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kajian terdahulu, metodologi penyelelidikan dan sistematika penulisan.

Pada bab kedua, kajian ini akan membicarakan tentang sejarah Jambi secara umum termasuk dari zaman sebelum kedatangan Islam, kemudian membicarakan tentang latar belakang dan perkembangan Islam di Jambi, serta menghuraikan peranan Jambi dalam sejarah Alam Melayu setelah kedatangan Islam.

Bab ketiga, difokuskan tentang huraian mengenai teks *Silsilah Raja-Raja Jambi* (SRJ) sebagai sumber historiografi Islam Jambi abad 19-20. Pembahasannya meliputi diskripsi teks, kemudian tentang aspek-aspek yang telah dipengaruhi oleh Islam, dan selanjutnya menjelaskan unsur-unsur Islam yang Terdapat dalam teks SRJ sebagai pembuktian bahawa teks SRJ sebagai salah satu teks historiografi Islam.

Pada bab keempat, akan dibincangkan tentang historiografi Melayu Islam secara umum, dan membuat perbandingan dengan konsep historiografi tamaddun lain, seperti Barat dan Arab pra Islam. Kemudian menjelaskan historiografi Islam di Jambi dan mengaitkannya dengan tradisi penulisan sejarah di Jambi dan kemudian menganalisis teks SRJ sebagai teks sumber historiografi Islam di Jambi dengan menghuraikan ciri-ciri historiografi Melayu Islam yang Terdapat didalam teks SRJ.

Dan bab kelima merupakan bab penutup yang akan membicarakan tentang kesimpulan, rumusan dan rekomendasi atau saran-saran yang boleh diambil dari kajian ini

RUJUKAN

- Abbas, Mohammad Saleh (1965). *Mengenal Undang-undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, Mat Saad (1959). *Undang-Undang Jenayah Islam*, Selangor: Penerbit al-Rahmaniah.
- Achigenc, Alparslan (2014). *Islamic Scientific Tradition in History*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Ahmad, Zainal Abidin (1960). *Persuratan Melayu 3*, ed. Al-Edrus, Singapura: Penerbit Qalam.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1969). *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of The Malay Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1986). *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*, Kuala Lumpur: Ministry of Culture Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1993). *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: USM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2011). *Historical Fact and Fiction*, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2012). *Islam dalam sejarah dan Kebudayaan Melayu* cet. Ke-4. Bangi: UKM Press.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: 16th century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Alfian, Teuku Ibrahim (1972). *Pengertian Kata Sejarah*, dalam Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, bil. 02.
- Al-Ghazali, Muhammad (1997). *Pribadi Muslim*, terj. Osman Haji Khalid, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Al-Jawziyyah, Abū 'Abdillāh Muhammad Ibn Abī Bakr Ibn al-Qayyim (1995). *al-Turūq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, cet. 1, Libanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muhammad (2012). *Kitāb al-Ta'rifāt*, Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Mawardi, Imam (2014). *al-Ahkām al-Sulṭaniyyahī*, terjemahan oleh Fadli Bahri, Bekasi: Darul Falah.
- Al-Rāzī, Fakhruddīn (2011). *'Ajā'ib al-Qur'ān*, (Beirut: Dār al-Kutb, t.t), terjemahan edisi bahasa Indonesia oleh Fauzi Faisal, Jakarta: Penerbit Zaman.
- Al-Uthaimin, Syaikh Muhammad ibn Shalih (2004). *Sharah arba'īn an-Nawāwiyyah*, T.T, Dār al-thurayya.
- Andaya, Barbara Watson (1993). *To Lives as Brother: Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth centuries*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Andaya, Barbara Watson (1993). "Cash Cropping and Upstream-Downstream Tension: The Case of Jambi in the Seventeenth and Eighteenth Centurie", Anthony Reid (ed.), *Southeast Asia in the Early Modern Era: Trade, Power, and Beliefs*, New York: Cornel University Press.
- Arif, Syamsuddin (2012). *Islam di Nusantara; Historiografi dan Metodologi*, dalam Jurnal ISLAMIA Volume VII No 2, Jakarta: INSISTS.
- Augustine, ST (1972). *Concerning the City of God Againts the Pagans*. terj. Henry Bettenson Harmondsworth: Penguin Books.
- Azra, Azyumardi (2004). *Naskah dan Rekonstruksi Sejarah Sosial-Intelektual Nusantar*, dalam Kumpulan Tulisan Simposium Internasional Pernaskahan Nusantara VIII, Jakarta, 26-28 Juli.

- Bottoms, J.C (1962). *Malay historical Works*, dal am K.G. Tregonning (ed.), *Malaysian Historical Sources*. Singapore: History Department, University of Singapore.
- Bowen, J. R (1991). *Sumatran Politics and Politics: Gayo History 1900-1989*. New Haven & London: Yale University Press.
- Burhanudin, Jajat (2012). *Ulama dan Kekuasaan: Pergumulan Elite Muslim dalam Sejarah Indonesia*. Jakarta: Penerbit Mizan.
- Butterfield, H (1955). *Man on his Past: The Study of the History of Historical Scholarship*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Coedes, Goerge (1968). *The Indianized States of Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Collingwood, R. G (1985). *Idea sejarah*, Terjemahan Mohd. Yusof Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Colombijn, Freek (2004). "Islamic Influences on Urban Form in Sumatra in Seventeenth to the Nineteenth century", *Indonesia and the Malay World*, 32.
- Darahim, Syamawi *at all* (2005). *Silsilah Raja-Raja Jambi, Undang-Undang, Piagam dan cerita Rakyat Jambi*. Jambi: Dinas Kebudayaan dan Pariwisata.
- De Eradia, Godongo (1997). *Description of Malaca, meridional India and Cathay*, J.V. Mills (Terjemahan), *MBRAS*, Reprint ke 14.
- Denisova, Tatiana (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Denisova, Tatiana (2007). *Konsep Keadilan dalam Historiografi Melayu Islam kurun ke-13 hingga ke-19*, dalam Jurnal AFKAR, bil. 8.
- Denisova, Tatiana (2008). *Kajian Teks-Teks Melayu Islam di Barat: Masalah dan Kesalahfahaman Utama*, dalam Jurnal AFKAR, bil. 9.
- Dirajo, Datuk Sangguno (1955). *Mustika Adat Alam Minangkabau*. Djakarta: Kementerian P & K.
- E. H, Carr (1990). *What is History?*, London: Penguin Books.
- Encyclopedia Britanica* (1970). Vol. II, London: William Publisher.
- Faruqi, Nisar Ahmed (1979). *Early Muslim Historiography*. Delhi: Idarah al-Idabiyat.
- Fizgerald, P. J (1962). *Criminal Law and Punishment*. Clarendon Law Series: Oxford.

- Groeneveldt, W. P (1960). *Historical Notes on Indonesia and Malaya, Compiled from Chinese Sources*. Jakarta: Bhratara.
- H.E, Barnes (t.t). *History of Historical Writing*, New York: Dover Publications.
- Hadi, Ibrāhim (1973). “Pengaruh Pendidikan Islam terhadap Masyarakat Pecinaan Jambi”, Skripsi di IAIN Sunan Ampel, Surabaya.
- Hamid, Ismāil (1983). *The Malay Islamic Hikayat*, Monograf 1, Bangi: Institut Bahasa, UKM.
- Hamka (1984). *Tafsīr al-Azhār*, Juzu’ VI. Jakarta: Panjimas, 1984.
- Hardjowardojo, R. Pitano (1965). *Peraraton*. Jakarta: Bhratara.
- Hashim, Mohd. Yusof (1992). *Penesejarahan Melayu: Kajian tentang Sejarah Melayu Nusantara*,.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, Mohd. Yusof dan Kaeh, Abdul Rahman (1994). *Sejarah Melayu: Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*, Kuala Lumpur: Longman.
- Hill, A.H (Penyunting), *Hikayat Raja-Raja Pasai*, dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, bil. 33 vol. 2, 1-215
- Hirth, F. & Rokhill, W. W (1911). *Chau ju kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*. Saint Petersburg: Imperial Academy of Science.
- Hj. Yahya, Mahayudin (1984). *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Husaini, Adian (2012). *Pendidikan Islam; Membentuk Manusia Berkarakter dan Beradab*. Jakarta: Cakrawala Publishing.
- Hussain, Khalid M (1992). *Taj al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein, Ismāil (1984). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Batutah (1304-1377) (2006). *Rihlah Ibn Baṭutāh*,Terj. Syed. Nurul Akla dan Adi Setia Mohd. Dom. Selangor: MPH Group Publishing.
- Ibrahim, Muhd. Yusof dan Haji Yahya, Muhayuddin (1988). *Sejarawan dan Historiografi: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irfan, Nia kurnia Sholihat (1983). *Kerajaan Sriwijaya*. Jakarta: Girimukti Pasaka.

- Ismāil, Mohd. Zaidi (1988). *Pendekatan Kajian Tamaddun Islam; beberapa pandangan*, dalam Jurnal Forum ISTAC al-Hikmah, bil. 1/ tahun 4.
- J, Russell. (1999). *Hikayat Raja-Raja Pasai*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- J. C, Bottoms (1965). *Some Malay Historical Sources: a Bibliographical Note*, Soedjatmoko, *at all, An Introduction to Indonesian Historiography*. New York: Cornell University Press.
- Jabbār, ‘Umar ibn (t.t). *Khulaṣah Nūrul Yaqīn fī Sīrah Sayyid al-Mursalīn*, Juzu’ Awwal, Surabaya: Maktabah al-Hikmah.
- Jones, R (1979). “Ten Conversion Myths from Indonesia”, Nehamia Levtzion (ed.), *Conversion to Islam*, New York: Holmes & Meier Publishers.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Lihat: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=jenayah>
- Kartodirdjo, Sartono (1993). *Pendekatan Ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Khallāf, ‘Abdul Wahhāb (1984). *Politik Hukum Islam*, Terjemahan Zainuddin Adnan, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Locher-Scholter, Elsbeth (2004). *Sumatran Sultanate and Colonial State: Jambi and the Rise of Dutch Imperialism, 1830-1907*, terj. Baverley Jackson, Ithaca. NY: Cornell University, Southeast Asia Programe.
- M. Hooker, Virginia (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu Islam*. Terjemahan oleh Ahmad Fauzi Basri, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milner, A.C (1983). “Islam and the Muslim State”, dalam M.B. Hooker, *Islam in South-East Asia*, Leiden: E. J Brill.
- Mohd. Basri, Ahmad Fauzi Ed. (1992). *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, Rusjdi ‘Ali (1999). *Fiqh Siyāsah*, Aceh: IAIN al-Raniry.
- Muljana, Slamet (1979). *Nagarakertagama dan Tafsir Sejarahnya*, Jakarta: Bhratara.
- Muller (1884). *Valentyn’s Description of Malaca*, JSBRAS, No 13, Jun.
- Mursalin, Ayub (2012). *Sejarah dan Struktur Undang-Undang Kesultanan Jambi*, dalam Jurnal Seloko, Vol. 1, Bil. 2.
- Musa, Hashim (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muslehudin, Muhammad (1992). *Jenayah dan doktrin Islam Dalam Tindakan Pencegahan*, Terjemahan oleh Asiah Idris, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzakkir, Ali (2011). *Pemikiran Islam di Jambi; Memperkuat Kajian Islam Melalui Naskah-naskah Lokal*, Jambi: Sulthan Thaha Press.
- Muzakkir, Ali (2012). *Sejarah dan Dinamika Islam di Jambi berdasarkan sumber-sumber lokal*, dalam Jurnal SELOKO Vol. 1, No, 1.
- Ngadiran, Siti Nor Aisyah (2012). *Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad naquib al-Attas: Kajian terhadap Karya-Karya Terpilih*, Tesis Master, Jabatan sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Noor, Arbai'yah Mohd (2007). *Idea Sejarah Melayu: Kajian Berdasarkan Teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis*, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan sains sosial, Universiti Malaya.
- Oberman J (1955). *Early Islam*, Dentan R.C (ed.) *The Idea History in the Ancient Near East*, New Haven: Yale University.
- Othman, Hussain (2011). *Konsep Historiografi Melayu perspektif Kosmologi*, Johor, Penerbit UTHM.
- Quzwain, M. Khatib (1981). "Islam di Jambi dalam Abad ke-17: Suatu Studi Mengenai Masuk dan Perkembangan Islam di Jambi", Makalah Seminar "Sejarah Islam di Jambi".
- R. O, Winstedt (t.t). *The Malay Annals or Sejarah Melayu*, dalam Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), 16 (3), 1- 225
- Reid, Anthony (2003). "Pan-Islamisme Abad Kesembilan Belas di Indoensia dan Malaysia", dalam Nico J. G. Kaptein (ed.), *Kekacauan dan Kerusuhan: Tiga tulisan tentang Pan-Islamisme di Hindia -Belanda Timur pada Akhir Abad Kesembilan Belas dan Awal Abad Kedua Puluh*, Jakarta: INIS.
- Rozenthal, Franz (1968). *A History of Muslim Historiography*, Leiden: E. J. Brill.
- Russel (1983). *The Origin of the Malay Manuscript Tradition*, European Colloquium on Malay and Indoensian Studies.

- Sabur, Kadir (2008). *Teologi Progresif; Mengungkap Corak Teologi Asy'ari dalam Doktrin Masyarakat Melayu*, Jambi: Sulthan Thaha Press.
- Salat, Nordin (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Saleh, Siti Hawa (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Sastri, K.A .Nilakanta (1949). *History of Srivijaya*, Madras: Madras University.
- Shellabear (t.t). *The Evolution of Malay Spelling*, dalam *JMBRAS*, Jilid 36.
- Soedjatmiko ed. (1965), *An Introduction to Indonesian Historiography*, New York: Cornell University Press.
- Studia Islamika (1995) 2, 3
- Suhar (2007). *Paradigma Politik Hukum Islam*, Jakarta: Hayfa Press.
- Tafsir al-Thabari (2009). Jilid 23 , Jakarta : Pustaka Azzam.
- Tāj, ‘Abdurrahmān (1953). *al-Siyāsah al-Shar’iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*, Kairo: Dār al-Ta’līf.
- Takakusu, J. (1896). *A Record of the Buddhist Religion as Practised in India and the Malay Archipelago, 671-695 A.D I-Tsing*, Oxford: t.p.
- Tarling, Nicholas ed. (1992). *Cambridge History of Southeast Asia*, Cambridge: CUP.
- Thalib, Husin (1990). *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Oxford: Oxford University Press.
- Tideman, J. dan Sigar, P.L. F (1938). *Djambi*, Amsterdam: Colonial Institute.
- Tim Penulis (2001). *Pokok-pokok Adat Pucuk Jambi Sembilan Lurah: Sejarah Adat Jambi*, Jambi : LAM Provinsi Jambi.
- Uthman, Muhammad Zainiy (2012). *Pemikiran dan Pembinaan Tamaddun: Transformasi Modal Insān Kearah Negara Maju*, (Kuala Lumpur: Akademi Ketatanegaraan BTN).
- Utomo, Bambang Budi (2011). *Kebudayaan Zaman Klasik Indonesia di Batanghari*, Jambi: Jabatan Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Jambi.
- Utomo, Bambang Budi dan Shuhaimi, Nik Hasan (2009). *Inkripsi berbahasa Melayu kuno di Asia Tenggara*, Bangi: Institut Alam dan Tamaddun Melayu (ATMA).
- Vansina, Jan (1965). *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology*, Chicago: Aldine.

- Wan Abdullah, Wan Suhaimi (2005). *Kajian Manuskrip al-Mu'tabar Fī al-Hikmah (Kitab al-Nafs) Karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547 H/ 1152 M.): Kearah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu Islam*, Jurnal Afkar, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islā, Universiti Malaya, bil. 6.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam* Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Kuala Lumpur: University Malaya.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor (2007). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*, Singapura: Pustaka Nasional.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor (2011). *Budaya Ilmu dan Gagasan 1Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Ketatanegaraan BTN.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor (2013). *Islamization of Contemporary knowledge and the Role of the University in the Context of De-Westernization and Decolonization*, Kuala Lumpur, UTM.
- Wolters, O.W (1967). *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*, New York: Cornell University Press.
- Wolters, O.W (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Oxford: Oxford University press.
- Yamin, Muhammad (1974). *Gajah Mada*, Jakarta: Balai Pustaka.
- Yusoff, Mohd. Alwee (t.t). *Pengaruh Islam Terhadap Teks Melayu dan undang-Undang Melayu*, dalam Jurnal Shari'ah. Vol. 6, Bil. 1.
- Zainuddin, et. al (1982). *Sejarah Pendidikan Daerah Jambi*, Jakarta: Depdikbud.
- Zarkasy, Hamid Fahmi (2013). *Makna Bahasa*, dalam Jurnal Islamia-Republika, edisi Khamis 24 Oktober.
- Zuhaili, Wahbah (2010). *al-Fiqh al-Shāfi'ī al-Muyassar*, edisi Bahasa Indonesia: *Fiqih Imam Syafi'i*, Muhammad Afifi (Penterjemah), Jakarta: Penerbit Al-Mahira.
- Zuhaili, Wahbah (2014). *Eksiklopedia Akhlak Muslim; berakhlak terhadap sesama dan alam semesta*, Bandung: Penerbit Noura Books.